



PEKELILING AKADEMIK BIL. 34/2021

Semua Pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah

Saudara/i,

PENDAFTARAN AWAL KURSUS/TESIS/DISERTASI SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022 DAN PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2021/2022

Merujuk perkara di atas, sukacita sekiranya pelajar membaca dengan teliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut:

| Bil. | Aktiviti | Pra Siswazah | Pasca Siswazah |
|------|---|--------------|----------------|
| i. | Pelajar hendaklah menggunakan Pengenalan dan Kata laluan (NPP) masing-masing bagi mencapai dan menggunakan laman web https://smplucee.ukm.my/smpweb . Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan NPP masing-masing untuk mengelakkan dari disalahgunakan oleh pengguna lain. | ✓ | ✓ |
| ii. | Semua pelajar adalah disyaratkan: 1. Membuat Penilaian Pengajaran Kursus/Penyeliaan Pelajar disyaratkan membuat penilaian pengajaran kursus yang diambil pada semester semasa melalui laman web https://www.ukm.my/sppp . Penilaian ini bermula dari 10 – 30 Januari 2022 . Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Cik Hafizah Sa'don fiza@ukm.edu.my , Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM). 2. Menjelaskan bayaran semua yuran/hutang tertunggak Sebarang masalah berkaitan dengan pembayaran yuran/hutang tertunggak, sila berhubung terus dengan Unit Kewangan Pelajar (UKP) ukpbendahari@ukm.edu.my . | ✓ ✓ | ✓ ✓ |
| iii. | Pendaftaran Awal Kursus/*Tesis/Disertasi Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 akan diadakan pada 10 Januari 2022 – 6 Februari 2022 (4 minggu) melalui https://smplucee.ukm.my/smpweb . *Pascasiswazah (Mod Penyelidikan dan Mod Campuran) | ✓ | ✓ |



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

| Bil. | Aktiviti | Pra Siswazah | Pasca Siswazah |
|------|---|--------------|----------------|
| iv. | <p>Pendaftaran Awal adalah diwajibkan kepada semua pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah KECUALI pelajar Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian. Bayaran PTPTN akan ditahan dan denda sebanyak RM50.00 akan dikenakan jika pelajar gagal membuat Pendaftaran Awal pada tempoh yang ditetapkan. Pelajar yang tidak membuat Pendaftaran Awal hanya dibenarkan membuat Pendaftaran Kursus Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 iaitu pada 21 Mac 2022 (Pascasiswazah) dan 28 Mac 2022 (Prasiswazah).</p> <p>Mulai Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021, SEMUA pelajar Fakulti Perubatan dibenarkan untuk membuat pendaftaran awal bagi kursus-kursus bertaraf CITRA yang ditawarkan kepada pelajar Fakulti Perubatan atau ditawarkan secara terbuka seperti yang dipersetujui melalui Mesyuarat Fakulti Perubatan Ke-378.</p> | ✓ | ✓ |
| v. | Proses Pemilihan (7 – 13 Februari 2022) tertakluk kepada fakulti masing-masing untuk menentukan pelajar yang layak mengikut sesuatu kursus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. | ✓ | - |
| vi. | Semakan keputusan pemilihan Pendaftaran Awal Kursus boleh dilakukan mulai 14 – 20 Februari 2022 . | ✓ | - |
| vii. | Perlu diingatkan bahawa pendaftaran sebenar kursus Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester sebelumnya dan keperluan prasyarat semester berikutnya. | ✓ | ✓ |

2. Jika menghadapi sebarang masalah mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada [smpweb@ukm.edu.my/](mailto:smpweb@ukm.edu.my) akad@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MUHAMAD WALID OSMAN
Timbalan Pendaftar
Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
 - Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

- Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
- Ketua Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
- Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum
(Pengajaran-UKM)
- Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar
Fakulti/Institut/Pusat
- Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
 Web: www.ukm.my/akademik